



Syaranan Umum Profesor bincang kebolehpasaran graduan

Kualiti tenaga kerja memainkan peranan penting dalam mencapai status negara berpendapatan tinggi. Penghasilan graduan yang kompeten dalam memenuhi keperluan tenaga kerja turut menjadi keutamaan.

Justeru, dalam merealisasikan hasrat ini, menurut Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti), Profesor Dr. Shamsuddin Baharim, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan program kebolehpasaran graduan seperti '*bridging gap programmes*', '*internship/apprenticeship programmes*' dan '*certificate programmes*' sebagai usaha meningkatkan tahap kompetensi graduan-graduan IPT.

"Malah, pihak kementerian mengambil inisiatif menghasilkan "*National Graduate Employability Blueprint 2012-2017*" dengan mengumpulkan idea dari pihak industri, agensi-agensi kerajaan dan IPT sebagai usaha menghasilkan graduan yang berdaya saing.

"Panduan ini menekankan kepentingan kerjasama antara IPT dan industri ke arah mewujudkan situasi menang-menang antara kedua-dua pihak dari segi integrasi antara pengetahuan akademik dan amali," katanya yang

hadir menyampaikan Syaranan Umum Profesor bertajuk Kebolehpasaran Graduan: Pusat Kecemerlangan Industri (ICOE) di Auditorium Perpustakaan UMP Kampus Pekan pada 27 November 2013 yang lalu di hadapan 300 warga UMP.

Program dianjurkan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa. Turut hadir Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Profesor Dato' Dr. Mortaza Mohamed dan Dekan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Profesor Dr. Jasni Mohamad Zain

Profesor Dr. Shamsuddin merupakan lulusan dari Universiti Warwick, United Kingdom yang mempunyai pengalaman 32 tahun dalam bidang kejuruteraan. Beliau pernah berkhidmat di Mitsui Construction Co. Ltd dan berpengalaman luas dalam bidang industri.

Beliau juga telah menghasilkan sebuah buku yang bertajuk "*Graduate Employability: Industry Center Of Excellence (ICOE)*" yang mengupas dan mengemukakan hujah-hujah bagi menghasilkan graduan yang kompeten dalam memenuhi keperluan tenaga kerja yang memenuhi kehendak industri.

